

**Dewan Rakyat: Rang Undang-undang Memansuhkan Akta Buang Negeri Diluluskan Bernama  
5 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat Rabu meluluskan Rang Undang-Undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 yang membawa kepada pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 tanpa sebarang masalah.

Pemansuhan akta yang sudah 34 tahun tidak diguna pakai itu diluluskan tanpa sebarang pindaan selepas enam anggota Parlimen membahaskan Rang Undang-Undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011, yang bertujuan memansuhkan akta berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan rang undang-undang itu, antara lain berkata pemansuhan akta itu wajar memandangkan ia dilihat bertindih dengan Akta Imigresen 1959/63, memandangkan peruntukan penahanan dan pemulangan warganegara asing yang terkandung dalam Akta Buang Negeri 1959 juga terdapat dalam Akta Imigresen.

"Akta Imigresen mempunyai peruntukan untuk memindahkan seseorang yang bukan warganegara sebagaimana terkandung di bawah Akta Buang Negeri, iaitu peruntukan subseksyen 3(1) tentang 'pemindahan yang berada di Malaysia secara tidak sah', seksyen 32 yang memperuntukkan tentang 'pemindahan pendatang tanpa izin daripada Malaysia'," katanya.

Subseksyen 56(2) pula yang memperuntukkan tentang kesalahan-kesalahan di mana seseorang yang bukan warganegara, yang memasuki, atau memasuki semula secara haram atau berada di negara ini secara haram boleh dipindahkan daripada Malaysia dengan perintah Ketua Pengarah Imigresen.

"Makanya pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 adalah wajar oleh sebab ia sudah tidak relevan di samping langkah pemansuhan ini akan memperkemaskan lagi sistem perundangan negara," kata Najib.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz ketika mengulung perbahasan rang undang-undang itu, berkata komitmen kerajaan untuk memastikan hak asasi rakyat Malaysia sentiasa terpelihara, termasuk aspek penyediaan pendidikan dan kesihatan, merupakan antara faktor yang menyebabkan Malaysia masih tidak menandatangani sebarang konvensyen berkaitan pelarian.

Mohamed Nazri berkata kerajaan tidak mahu hak rakyat diabaikan atau terpaksa dibahagikan dengan rakyat asing, termasuk pelarian dan pemohon suaka hanya semata-mata untuk memenuhi keperluan konvensyen yang ditandatangani.

"Kita tidak mahu bila kita menandatangani konvensyen makanya kita mesti beri segala hak asasi yang dijanjikan dalam konvensyen kepada pelarian.

"Kita bimbang jika kita tandatangan, kita terpaksa membuka pintu kita untuk mereka yang datang dari negara lain yang bukan 'genuine political asylum', maknanya mereka bukannya ada masalah di negara mereka, tetapi mereka sengaja mahu keluar dari negara mereka dan datang ke Malaysia, mungkin kerana negara kita ini aman, dan sebagainya, jadi kita perlu berhati-hati," katanya.

Bagaimanapun, kata Mohamed Nazri, kegagalan Malaysia untuk menandatangani konvensyen itu tidak menjejaskan kesediaan Malaysia untuk bekerjasama Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian dalam urusan pelarian.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617994>